



THE ISLAMIC LAW OF DISASSEMBLING THE GRAVE AND TRANSFERRING BODIES BECAUSE OF NEED

HUKUM MEMBONGKAR KUBUR DAN MEMINDAHKAN MAYAT KERANA KEPERLUAN

Irwan Mohd Subri¹, Mohd Hapiz Mahaiyadin², Jasni Sulong³ & Zulfaqar Mamat⁴

¹ Pengarah, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH); Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Setiausaha, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). irwan@usim.edu.my

² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam; Ahli Jawatankuasa, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). mohdhapiz659@uitm.edu.my

³ Profesor Madya, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM); Ahli Jawatankuasa, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). jasni@usm.my

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zulfaqar@usim.edu.my

Abstract

This article discusses the Islamic ruling of disassembling graves and transferring bodies because of necessity. This article used a qualitative methodology that is document analysis. Reference is made to the books of fiqh of the four schools of thought, the fatwas of institutions and the individual views of contemporary Islamic scholars. This study found that the Islamic ruling of disassembling graves because of necessity is permissible if there is an emergency or a specific need.

Keywords: Graves, Disassembling, Permissible, Emergency, Necessity.


Abstrak

Artikel ini membincangkan hukum membongkar kubur dan memindahkan mayat kerana keperluan. Artikel ini menggunakan metodologi kualitatif iaitu analisis dokumen. Rujukan dibuat terhadap kitab-kitab fiqh empat mazhab, fatwa-fatwa institusi dan pandangan individu sarjana Islam kontemporari. Dapatan kajian mendapati bahawa hukum membongkar kubur kerana keperluan adalah diharuskan sekiranya terdapat darurat atau keperluan tertentu.

Kata kunci: Kubur, Bongkar, Harus, Darurat, Keperluan.

PENDAHULUAN

Kubur adalah tempat di mana jasad manusia yang meninggal dunia dikebumikan. Kubur mempunyai kehormatannya dan pengurusannya juga mempunyai hukum hakam tersendiri. Kubur berasal daripada perkataan arab “qabrun” atau “maqbarah” yang bermaksud tempat tanam mayat. Allah SWT berfirman:



Maksudnya, “Kemudian dimatikannya, lalu diperintahkan supaya ia dikuburkan” (al-Quran. ‘Abasa: 21).

Para ulama menjelaskan bahawa antara tujuan dan hikmat menanam mayat adalah:

1. Menjaga kehormatan mayat dengan mengelakkan pandangan dan baunya yang akan menjijikkan. Ini akan menutup keaiban, memelihara maruah mayat dan ahli keluarganya.
2. Memberi pengajaran praktikal kepada orang yang masih hidup berkenaan hakikat kehidupan dunia dan kematian.
3. Kerja-kerja mengurus dan menanam mayat ini akan mewujudkan hubungan yang baik antara sesama masyarakat serta meringankan beban tanggungan fizikal dan emosi keluarga yang ditimpa musibah tersebut (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Artikel ini membincangkan tentang hukum membongkar kubur kerana keperluan tertentu sama ada ia dibenarkan atau tidak menurut hukum fiqh.

DALIL BERKAITAN PEMBONGKARAN KUBUR

Anas bin Malik RA meriwayatkan sebuah hadis berkaitan pembinaan masjid Nabi di Madinah:

{لَمَّا قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، نَزَلَ فِي غُلُوِّ الْمَدِينَةِ، فِي حَيٍّ يُقَالُ لَهُمْ بَنُو عَمْرِو بْنِ عَوْفٍ، قَالَ: فَأَقَامَ فِيهِمْ أَرْبَعَ عَشْرَةَ لَيْلَةً، ثُمَّ أَرْسَلَ إِلَى مَلَإِ بَنِي النَّجَّارِ، قَالَ: فَجَاءُوا مُتَقَلِّدِي سُيُوفِهِمْ، قَالَ: وَكَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رَاحِلَتِهِ وَأَبُو بَكْرٍ رِدْفُهُ، وَمَلَإُ بَنِي النَّجَّارِ حَوْلَهُ، حَتَّى أَلْقَى بِنِجَاءِ أَبِي أَيُّوبَ، قَالَ: فَكَانَ يُصَلِّي حَيْثُ أَدْرَكَتُهُ الصَّلَاةُ، وَيُصَلِّي فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ، قَالَ: ثُمَّ إِنَّهُ أَمَرَ بِبِنَاءِ الْمَسْجِدِ، فَأَرْسَلَ إِلَى مَلَإِ بَنِي النَّجَّارِ فَجَاءُوا، فَقَالَ: يَا بَنِي النَّجَّارِ ثَامِنُونِي حَائِطُكُمْ هَذَا فَقَالُوا لَا وَاللَّهِ، لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ، قَالَ: فَكَانَ فِيهِ مَا أَقُولُ لَكُمْ، كَانَتْ فِيهِ قُبُورُ الْمُشْرِكِينَ، وَكَانَتْ فِيهِ خِرْبٌ، وَكَانَ فِيهِ نَخْلٌ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقُبُورِ الْمُشْرِكِينَ فَتُبِشَّتْ، وَبِالْخِرْبِ فَسُوتِ، وَبِالنَّخْلِ فَفُطِعَ، قَالَ فَصَفُّوا النَّخْلَ قِبَلَةَ الْمَسْجِدِ، قَالَ: وَجَعَلُوا عِضَادَتَيْهِ حِجَارَةً، قَالَ: قَالَ جَعَلُوا يَنْفُلُونَ ذَاكَ الصَّخْرَ وَهُمْ يَرْجُزُونَ، وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَعَهُمْ، يُقُولُونَ: اللَّهُمَّ إِنَّهُ لَا خَيْرَ إِلَّا خَيْرُ الْآخِرَةِ، فَانْصُرِ الْأَنْصَارَ وَالْمُهَاجِرَةَ}.

Maksudnya, “Ketika Rasulullah SAW datang ke Madinah, baginda turun di hujung Madinah di perkampungan yang dipanggil Bani ‘Amru bin ‘Awf. Anas berkata, Baginda tinggal bersama mereka empat belas malam. Kemudian dia menyeru para pembesar Bani al-Najjar. Anas berkata, “mereka datang dengan pedang-pedang mereka”. Anas berkata, seolah-olah saya dapat melihat Rasulullah SAW atas binatang tunggangannya, serta Abu Bakr di bawahnya, sedangkan pembesar Bani al-Najjar di sekelilingnya, sehinggalah baginda turun di halaman Abu Ayyub”. Anas berkata, “Rasulullah SAW menunaikan solat ketika masuk waktu dan Baginda bersolat di kandang kambing”. Anas berkata, kemudian Baginda memerintahkan agar membina masjid. Baginda menyeru pembesar Bani al-Najjar dan bersabda, “wahai Bani al-Najjar, sebutkan harga untuk rumahmu ini”. Mereka berkata, “demi Allah, kami tidak akan meminta harganya kecuali daripada Allah”. Anas berkata, “dalamnya apa yang aku akan katakan kepada kamu, terdapat dalamnya kubur orang musyrikin, runtuhannya dan pohon

kurma". Lalu Rasulullah SAW memerintahkan agar kubur-kubur orang musyrikin itu dibongkar, runtuh diratakan dan pohon-pohon kurma ditebang. Baginda bersabda, "susunlah batang-batang pokok kurma untuk membentuk dinding menghadap kiblat". Anas berkata, "Maka mereka bekerja membuat pintu masjid dari pohon". Anas berkata, "mereka memindahkan batu itu dalam keadaan gemetar, sedangkan Rasulullah SAW bersama mereka". Mereka berkata: "Ya Allah, tidak ada kebaikan melainkan kebaikan akhirat, maka bantulah kaum Ansar dan Muhajirin" (Hadis. Al-Bukhariyy).

Ibnu Hajar al-Asqalaniyy (2001) dalam kitab *Fath al-Bari* menjelaskan hadis di atas:

في الحديث جواز التصرف في المقبرة المملوكة بالهبة والبيع، وجواز نبش القبور الدارسة إذا لم تكن محتزمة، وجواز الصلاة في مقابر المشركين بعد نبشها وإخراج ما فيها، وجواز بناء المساجد في أماكنها.

Maksudnya, "Hadis ini menunjukkan keharusan bertindak pada kubur yang dimiliki dengan cara hibah atau jual. Begitu juga harus membongkar kubur yang sudah lama sekiranya tiada lagi kehormatan padanya. Begitu juga harus solat di perkuburan bukan Islam selepas dibongkar dan dikeluarkan jenazah darinya. Begitu juga harus membina masjid di tempat itu".

Berkenaan hal ini, hadis Jabir RA ada menyatakan:

{ دُفِنَ مَعَ أَبِي رَجُلٍ، فَلَمْ تَطِبْ نَفْسِي حَتَّى أُخْرِجْتُهُ، فَجَعَلْتُهُ فِي قَبْرِ عَلِيٍّ حِدَةً }.

Maksudnya, "Ayahku dikebumikan bersama seorang lelaki lain. Aku berasa tidak sedap hati, lalu aku keluarkan jenazah ayahku dan aku menengebumikannya dalam kubur lain" (Hadis. Al-Bukhariyy).

Dalam riwayat yang lain, Jabir RA berkata:

{ لَمَّا حَضَرَ أُخِذَ دَعَانِي أَبِي مِنَ اللَّيْلِ، فَقَالَ: مَا أَرَانِي إِلَّا مَقْتُولًا فِي أَوَّلِ مَنْ يُقْتَلُ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَإِنِّي لَا أَتْرُكُ بَعْدِي أَعَزَّ عَلَيَّ مِنْكَ، غَيْرَ نَفْسِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَإِنَّ عَلِيَّ دَيْنًا فَاقْضِ، وَاسْتَوْصِ بِأَخْوَاتِكَ حَيْرًا، فَأَصْبَحْنَا، فَكَانَ أَوَّلَ قَتِيلٍ وَدُفِنَ مَعَهُ آخِرُ فِي قَبْرِ، ثُمَّ لَمْ تَطِبْ نَفْسِي أَنْ أَتْرُكُهُ مَعَ الْآخِرِ، فَاسْتَحْرَجْتُهُ بَعْدَ سِتَّةِ أَشْهُرٍ، فَإِذَا هُوَ كَيَوْمٍ وَضَعْتُهُ هُنَيْئَةً غَيْرَ أُذُنِهِ }.

Maksudnya, "Semasa membuat persiapan untuk ke Uhud, bapaku memanggil pada waktu malam. Dia berkata, "aku melihat aku termasuk di kalangan yang awal terkorban daripada kalangan sahabat-sahabat Nabi SAW. Aku tidak meninggalkan sesuatu yang lebih aku bangga daripada kamu selain jiwa Rasulullah SAW. Sesungguhnya aku berhutang, maka langsaikanlah. Aku berpesan jagalah adik-beradik perempuanmu dengan baik". Pada keesokan pagi, beliau merupakan orang yang pertama terkorban dan dikebumikan bersama seorang lagi dalam satu kubur. Aku berasa tidak sedap hati meninggalkannya dikebumikan bersama orang lain lalu aku keluarkannya (untuk dikebumikan berseorangan) selepas enam bulan. Aku melihat jasadnya masih utuh seperti hari dikebumikan kecuali telinganya yang berubah" (Hadis. Al-Bukhariyy).

Ibnu Hajar al-Asqalaniyy (2001) dalam kitab *Fath al-Bari* menjelaskan hadis di atas:

قوله: (باب هل يخرج الميت من القبر واللحد لعلة) أي لسبب، وأشار بذلك إلى الرد على من منع إخراج الميت من قبره مطلقاً، أو لسبب دون سبب، كمن خص الجواز بما لو دفن بغير غسل أو بغير صلاة، فإن في حديث جابر الأوّل دلالة على الجواز إذا كان في نبشه مصلحة تتعلق به من زيادة البركة له. وفي حديث جابر الثاني دلالة على جواز الإخراج لأمر يتعلق بالحلي، لأنه لا ضرر على الميت في دفن ميت آخر معه، وقد بين ذلك جابر بقوله "فلم تطب نفسي" اهـ.

Maksudnya, "Katanya (Bab adakah boleh dikeluarkan mayat daripada kubur kerana sebab tertentu). Beliau menjawab terhadap orang yang tidak membenarkan mengeluarkan mayat dari kubur sama sekali atau kerana apa-apa sebab. Contohnya orang yang hanya mengkhususkan keharusan sekiranya mayat ditanam tanpa mandi atau tanpa solat. Dalam hadis Jabir yang pertama menunjukkan keharusan membongkar mayat sekiranya terdapat kemaslahatan yang berkaitan dengannya yang menambah keberkatan baginya. Hadis Jabir yang kedua menunjukkan harus mengeluarkan mayat kerana sebab yang berkaitan dengan orang hidup kerana sebenarnya tidak ada kemudahan pun ke atas mayat jika ia dikebumikan bersama mayat lain. Jabir telah menjelaskan perkara ini di mana beliau berkata "hati aku berasa tidak sedap".

PANDANGAN MAZHAB FIQH BERKAITAN PEMBONGKARAN KUBUR DAN MEMINDAHKAN MAYAT

Berikut adalah pandangan empat mazhab fiqh yang muktabar berkenaan pembongkaran kubur dan memindahkan mayat kerana keperluan:

Pandangan Mazhab Shafi'iy

Ulama-ulama fiqh ada membicarakan tentang hukum penggalian semula atau pemindahan kubur. Antaranya dalam mazhab Shafi'i, imam al-Nawawiyy (1997) dalam kitab *Minhaj al-Talibin*, menyatakan:

ونبشه بعد دفنه للنقل وغيره حرام، إلا لضرورة، بأن دفن بلا غسل، أو في أرض أو ثوب مغصوبين، أو وقع فيه مال، أو دفن لغير القبلة، لا للتكفين في الأصح.

Maksudnya, "Membongkar mayat selepas mengebumikannya untuk dipindahkan atau atas sebab lain adalah haram kecuali kerana darurat. Contohnya jenazah ditanam tanpa mandi atau ditanam dalam tanah atau pakaian yang dirampas atau harta terjatuh dalamnya atau ia ditanam tidak mengadap kiblat, tetapi tidak kerana ia tidak dikafankan mengikut pendapat yang paling sah".

Dalam kitab *al-Majmu'*, imam al-Nawawiyy (t.th) menjelaskan dengan lebih terperinci: وأما نبش القبر، فلا يجوز لغير سبب شرعي، باتفاق الأصحاب، ويجوز بالأسباب الشرعية كنعو ما سبق، ومختصره أنه يجوز نبش القبر: إذا بلي الميت وصار تراباً، وحينئذ يجوز دفن غيره فيه، ويجوز زرع تلك الأرض وبنائها، وسائر وجوه الانتفاع والتصرف فيه باتفاق الأصحاب، وإن كانت عارية رجع فيها المعير، وهذا كله إذا لم يبق للميت أثر من عظم وغيره. قال أصحابنا رحمهم الله: ويختلف ذلك باختلاف البلاد والأرض ويعتمد فيه قول أهل الخبرة بها. قال النووي رحمه الله أيضاً: نبش الميت إذا دفن لغير القبلة، أو بلا غسل على الصحيح، أو بلا كفن، أو في كفن

مغصوب أو حرير، أو أرض مغصوبة، أو ابتلع جوهره، أو وقع في القبر مال، قال الماوردي في الأحكام السلطانية: إذا لحق القبر سيل أو نداوة، وقال أبو عبد الله الزبيرى: يجوز نقله، ومنعه غيره، وقول الزبيرى أصح.

Maksudnya, "Adapun membongkar kubur, tidak diharuskan tanpa sebab Syarie menurut ittifaq para ulama mazhab. Harus berbuat demikian dengan adanya sebab-sebab Syarie seperti yang disebutkan. Kesimpulannya: boleh dibongkar kubur sekiranya mayat telah hancur dan menjadi tanah. Oleh yang demikian, boleh mengebumikan mayat lain di situ. Harus membuat pertanian dan membangunkannya dan dengan semua cara pemanfaatan dan tindakan di situ menurut ittifaq para ulama mazhab, sekalipun ia adalah pinjaman yang ditarik balik oleh peminjamnya. Ini semua harus kalau mayat itu tidak meninggalkan kesan seperti tulang belulang dan selainnya. Berkata ulama mazhab kita, ini berbeza mengikut perbezaan negeri dan tanah serta ia berdasarkan pandangan pakar mengenainya. Imam al-Nawawiy juga berkata, boleh membongkar mayat sekiranya ia dikebumikan tanpa mengadap kiblat atau tanpa mandi mengikut pendapat yang sahih atau tanpa kafan atau dengan kafan yang dirampas atau sutera atau di tanah yang dirampas atau mayat menelan permata atau harta terjatuh dalam kubur. Imam al-Mawardiyy berkata dalam kitab "al-Ahkam al-Sultaniyyah", sekiranya kubur dilanda banjir atau kelembapan, begitu juga imam Abu 'Abdillah al-Zubayriyy berkata, harus dibongkar mayat itu. Ada juga pendapat yang menegahnya, namun pendapat al-Zubayriyy adalah paling sahih".

Pandangan Mazhab Hanbaliyy

Ibnu Qudamah (t.th) dalam kitab *al-Mughniyy* menaqalkan pandangan imam Ahmad:

سئل أحمد عن الميت يخرج من قبره إلى غيره؟ فقال: إذا كان شيء يؤذيه، قد حول طلحة وحولت عائشة.

Maksudnya, "Imam Ahmad ditanya tentang mayat yang dikeluarkan dari kuburnya ke tempat lain. Beliau menjawab, sekiranya terdapat perkara yang boleh menyakitinya (maka diharuskan). Jenazah Talhah dan 'A'ishah juga pernah dialihkan".

Ibnu Taymiyyah (2004) dalam kitab *Majmu' al-Fatawa*, menyatakan:

لا يُنْبَش الميت من قبره إلا لحاجة، مثل أن يكون الدفن الأول فيه ما يؤذي الميت، فينقل إلى غيره، كما نقل بعض الصحابة في مثل ذلك. أه

Maksudnya, "Tidak harus dibongkar mayat dari kuburnya kecuali kerana terdapat keperluan. Contohnya pengebumian pertama menyakiti mayat, harus dipindahkan ke tempat lain, seperti mana jenazah beberapa orang Sahabat dipindahkan".

Pandangan Mazhab Malikiyy

Ibnu al-Hattab (t.th) dalam kitab "*Mawahib al-Jalil*" ketika mensyarahkan kitab "*Mukhtasar Khalil*", menyatakan:

(والقبر حبس، لا يُمَشى عليه، ولا يُنْبَش؛ إلا أن يشحَّ ربُّ كفنٍ غضبه) قال الحطاب: وكذلك إذا احتيج للمقبرة لمصالح المسلمين؛ كما فعل معاوية رضي الله عنه في شهداء أحد.

Maksudnya, "(dan kubur adalah tempat simpanan mayat, tidak boleh berjalan di atasnya dan tidak boleh dibongkarkan kecuali pemilik asal kain kafan yang dirampas itu menginginkannya (kembali). Imam al-Hattab berkata, "begitu juga sekiranya perkuburan itu diperlukan untuk kepentingan orang Islam. Ia sama seperti yang dilakukan oleh Mu'awiyah RA terhadap jenazah para syuhada Uhud".

Al-Dardir (t.th) dalam kitab “*Sharh Aqrab al-Masalik*”, menyatakan:

والقبر حبسٌ على الميت لا يُنبش؛ أي: يحرم نبشُه مادام الميت فيه، إلاً لضرورة شرعية. اهـ

Maksudnya, “Kubur adalah tempat simpanan mayat, tidak boleh dibongkarkan. Yakni haram dibongkarkan selagi mana ada mayat dalamnya kecuali kerana darurat Syarie”.

Pandangan Mazhab Hanafiyy

Ibnu ‘Abidin (2003) dalam kitab “*Radd al-Muhtar Ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar (bab salat al-jana’iz)*”, menyatakan:

ولا يخرج منه بعد إهالة التراب (إلا) لحق آدمي ك(أن تكون الأرض مغصوبةً أو أخذت بشفعة).

Maksudnya, “Tidak boleh jenazah dikeluarkan darinya selepas dikambus dengan tanah kecuali bagi hak manusia. Contohnya tanah itu dirampas atau diambil dengan cara shuf’ah”.

Dr. ‘Abdullah bin ‘Umar bin Muhammad al-Sahibaniyy (2005), dalam bukunya “*Ahkam al-Maqabir Fi al-Shari’at al-Islamiyyah*” menyatakan:

فالمقبرة الموقوفة إذا عفت واندرست، واستغنى الناس عن الدفن فيها تماماً، يجوز أن تحول إلى مكان آخر، ويجوز الانتفاع بأرضها بعد ذلك.

Maksudnya, “Kubur yang diwakafkan sekiranya ia tidak lagi digunakan dan orang ramai tidak lagi menanam mayat di situ sama sekali, maka ia harus diubah ke tempat yang dan harus mengambil manfaat tanah itu selepas itu”.

FATWA INSTITUSI TENTANG PEMINDAHAN KUBUR ATAS KEPERLUAN TERTENTU

Berikut adalah beberapa fatwa pemindahan kubur atas keperluan tertentu daripada institusi fatwa:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada tahun 1967 telah membincangkan mengenai “Pemindahan Kubur Kerana Membina Empangan”. Mesyuarat telah memutuskan bahawa adalah:

“Diharuskan pihak kerajaan memindahkan jujuk-jujuk mayat ke tempat yang baru iaitu di Sungai Pau, Sik Kedah kerana ingin membina Empangan Beris yang bertujuan untuk memberikan manfaat kepada rakyat Kedah khususnya seperti membekalkan air untuk tanaman dan ternakan, serta kehidupan seharian” (Tidak Diwartakan) (<http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10654>).

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil 3/2005

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil 3/2005 pada 16 Rabi’ul Akhir 1426H/25 Mei 2005M telah membincangkan permohonan menggali dan memindahkan kubur lama di atas tanah Lot 1690, Mukim Taboh Naning, Alor Gajah, Melaka, Bagi Tujuan Pembinaan Bangunan Kekal. Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa telah sebulat suara memutuskan bahawa:

“Harus menggali dan memindahkan kubur-kubur lama di atas tanah Lot 1690, Mukim Taboh Naning, Alor Gajah, Melaka, bagi tujuan pembinaan bangunan kekal. Namun demikian, pemindahan tersebut adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- i. Kubur-kubur tersebut tiada kaitan dengan kesan-kesan sejarah dan hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti.

- ii. *Segala perbelanjaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon.*
- iii. *Mengenalpasti tanah perkuburan yang baru untuk penempatan kubur-kubur tersebut”.*

Mufti Kerajaan Brunei

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail, Mufti Kerajaan Brunei, ketika diminta fatwa mengenai kubur di tapak projek Lapangan Terbang Brunei yang akan dibangunkan, Pehin mengatakan:

“Apakala ditakutkan kubur-kubur akan terhina tiadalah berdosa pada memindahkan kubur-kubur itu ketika itu bahkan wajib jika kubur-kubur itu terhina bagaimana sahabat-sahabat Nabi S.A.W telah memindahkan orang syuhada dari kubur-kuburnya kerana menjauhkan kubur-kubur itu dari kena basah”
(https://pibdcms.gov.bn/front/index.php/home/flexpaper_view?doc_id=NjczOSszMTErZjE5NjltMTk2OSBzMj0zZiAtIFRhbWVlYVYlElzbGFtIHRlcmxpYmFOIGRhbGFtIHBlbWJpbmFhbiBsYXBhbmdhbiB0ZXJiYW5nLnBkZg==).

Dar al-Ifta’ Jordan

Dar al-Ifta’ Jordan menjawab satu soalan seorang lelaki tentang pemindahan kubur ayahnya yang ditanam di sebelah seorang wanita dan ahli keluarga wanita itu memintanya agar memindahkan kubur ayahnya ke tempat lain:

لا يجوز نبش قبر الميت ونقله لغير عذر شرعي؛ لأن في ذلك هتكاً لحرمته.

Maksudnya, *“Tidak harus membongkar kubur mayat dan memindahkannya kecuali kerana uzur Syarie kerana mencemarkan kehormatannya”* (Rujuk perincian: <http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=3272#.XVUIX-gzY2w>).

FATWA SARJANA ISLAM TENTANG PEMINDAHAN KUBUR ATAS KEPERLUAN TERTENTU

Berikut adalah beberapa fatwa pemindahan kubur atas keperluan tertentu daripada beberapa orang tokoh Sarjana Islam:

Syeikh ‘Abdullah bin Bayyah

Ketika menjawab satu soalan berkenaan pemindahan kubur ke tapak persendirian, beliau menyatakan:

العمل الذي قامت به أمك غير مشروع، فالميت إذا دفن في مكان ليس ملكاً لأحد وليس في مقبرة مشركين فلا يجوز نقله إلا لمصلحة خاصة له ونحو ذلك، أو مصلحة من مصالح المسلمين، فالأصل في قبر الميت أنه وقف عليه، فلا يجوز نقله من هذا المكان إلا لضرورة.

Maksudnya, *“Perbuatan ibumu tidak Syarie. Apabila mayat dikebumikan di satu tempat yang bukan milik sesiapa dan bukan di perkuburan musyrikin, maka tidak harus memindahkannya kecuali terdapat masalah khusus baginya dan sebagainya atau disebabkan masalah umat Islam. Kaedah asal bagi kubur adalah wakaf ke atasnya, maka tidak harus dipindahkan dari tempat ini kecuali darurat”* (Rujuk perincian: <https://binbayyah.net/arabic/archives/207>).

Dr. Ahmad Bin ‘Abd Al-Karim Najib (Pendakwah Dan Penyelidik) Dari Syria

Beliau mengulas dengan panjang lebar tentang hukum penggalian semula dan pemindahan kubur. Antaranya beliau menyebut:

النوع الثاني: نبش القبر بقصد نقل ما فيه من جثمان أو رفاة إلى موضع آخر مغاير لمدفنه الأصلي، لمصلحة شرعية تتعلق بالميت نفسه، أو بغيره من الأحياء، ويتضح هذا القسم في ثلاث صور ذكرها أهل العلم، وهي: أولاً: إذا كان نقل الرفاة من قبر إلى قبر آخر لمصلحة الميت نفسه، كأن يكون في أرضٍ سبخةٍ أو ذات مفاوِزٍ وأغوار، أو مجرى لنجاسة ونحوها، أو عرضة لنبش السباع الضارية، أو للتوسعة على الميت في حده أو قبره. ثانياً: أن تكون الأرض التي دُفن فيها الميت مغصوبة، فيجب إزالة القبر منها بنقله إلى مكان آخر، وتمكين صاحبها الأصلي منها إلا أن يصدَّق (يتنازل) عن طيب نفس. ثالثاً: إذا كانت القبور عاديةً (دارسةً) وكان في نقلها مصلحة راجحة لعامة المسلمين، كتوسعة مسجدٍ أو شق طريق لا بديل عنه، أو بناء سدٍ في وجه سيل عارمٍ أو ريحٍ عاتية، أو نحو ذلك من الضروريات المتحتمات.

Maksudnya, "Kategori Kedua: Kubur boleh dibongkar dengan niat untuk memindahkan mayat ke tempat lain selain tempat asal kerana masalah Syarie yang berkaitan dengan mayat itu sendiri atau orang hidup. Kategori ini lebih jelas seperti yang disebutkan oleh ulama iaitu:

Pertama: Jika pemindahan mayat dari kubur ke kubur lain kerana kemaslahatan mayat itu sendiri. Contohnya ia dikebumikan di tanah berpaya atau berlumpur atau di laluan najis dan seumpamanya atau ia terdedah kepada korekkan binatang buas, atau untuk meluaskan liang lahad atau kuburnya.

Kedua: Tanah yang dikebumikan mayat adalah tanah yang dirampas. Maka wajib menghilangkan kubur darinya dengan memindahkan mayat itu ke tempat lain serta menyerahkannya kepada pemilik asal kecuali dia bersedekah atau melepaskan hak dengan sukarela.

Ketiga: Jika kubur telah binasa dan dengan memindahkannya wujud masalah yang kuat untuk orang awam seperti membesarkan masjid atau membelah jalan yang tidak dapat dielakkan atau membina sekatan banjir atau angin kuat atau seumpamanya yang berbentuk perkara darurat yang pasti".

Kesimpulan yang dibuat oleh beliau, dalam ketiga-tiga keadaan yang dinyatakan di atas adalah harus pemindahan kubur ke tempat lain atas justifikasi darurat atau keperluan Syarie (Rujuk perincian: <https://www.saaid.net/Doat/Najeeb/f113.htm>).

'Abd al-Rahman al-Jaziriyy

'Abd al-Rahman al-Jaziriyy (t.th) dalam kitabnya "al-Fiqh Ala al-Madhahib al-Arba'ah", menjelaskan:

يحرم نبش القبر ما دام يظن بقاء شيء من عظام الميت فيه، ويستثنى من ذلك أمور: منها أن يكون الميت قد كفن بمغصوب، وأبي صاحبه أن يأخذ القيمة، ومنها أن يكون قد دفن في أرض مغصوبة، ولم يرض مالكها ببقائه، ومنها أن يدفن معه مال بقصد أو بغير قصد، سواء كان هذا المال له أو لغيره، وسواء كان كثيراً أو قليلاً، ولو درهماً، سواء تغير الميت أو لا، وهذا متفق عليه، إلا عند المالكية.

Maksudnya, "Diharamkan membongkar kubur selagi mana disangkakan tulang mayat masih kekal sedikit. Namun dikecualikan beberapa perkara: antaranya mayat dikafan dengan pakaian yang dirampas dan pemiliknya enggan menerima nilainya. Antaranya mayat dikebumikan di tanah yang dirampas dan pemilik tanah tidak reda adanya mayat di situ. Antaranya mayat ditanam berserta harta sama ada sengaja atau tidak, sama ada ia adalah

hartanya atau orang lain, sama ada harta itu banyak atau sedikit walaupun satu dirham, sama ada mayat itu sudah berubah atau tidak. Ini perkara yang dipersetujui kecuali di sisi ulama Malikiyyah”.

Ben Baz

Ketika menjawab soalan tentang hukum menggali kubur untuk melebarkan jalan, beliau menjelaskan:

نبش القبور محل تفصيل ومحل نظر، ويحتاج إلى عناية فلا تنبش إلا عند الضرورة عند الضرورة القصوى لمصلحة الأحياء، فإذا كان أمكن صرف الطريق والاستغناء عن نبشها فهو الذي يجب وإذا دعت الضرورة إلى نبشها نبشت ونقلت العظام والرفات إلى مكان آخر من المقبرة أو إلى مقبرة أخرى.

Maksudnya, “Membongkar kubur ada perincian dan terdapat pandangan mengenainya dan memerlukan penelitian. Ia tidak boleh dibongkar kecuali kerana darurat maksimum kerana meraikan kemasalahatan orang yang hidup. Sekiranya boleh mengalihkan jalan dan mengelakkan daripada membongkar kubur, itu yang sewajarnya. Namun jika ada kemudharatan dan terpaksa membongkarkannya, ia boleh dibongkar dan dipindahkan tulang belulang dan mayat ke kubur lain” (Rujuk perincian: <https://binbaz.org.sa/fatwas/1153/%D9%87%D9%84-%D9%8A%D8%AC%D9%88%D8%B2-%D9%86%D8%A8%D8%B4-%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%A8%D9%88%D8%B1-%D9%84%D8%BA%D8%B1%D8%B6-%D8%AA%D9%88%D8%B3%D8%B9%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%B4%D9%88%D8%A7%D8%B1%D8%B9>).

PERBINCANGAN

Berdasarkan dalil-dalil hadis, pandangan mazhab fiqh, fatwa institusi dan fatwa beberapa orang sarjana Islam, penulis membuat kesimpulan bahawa membongkar kubur dan memindahkan mayat ke tempat lain kerana keperluan adalah diharuskan. Ini disokong juga dengan hujah-hujah berikut:

Kaedah fiqh

Terdapat beberapa kaedah fiqh yang boleh menyokong kepada dapatan analisis yang dilakukan dalam kajian ini, seperti kaedah berikut:

الْحَاجَةُ تُنَزِّلُ مَنْرِلَةَ الضَّرُورَةِ عَامَةً كَانَتْ أَوْ خَاصَّةً

Maksudnya, “Keperluan boleh disamakan hukumnya dengan keadaan darurat sama ada ia khusus atau umum”.

Darurat yang dinyatakan dalam pandangan kitab-kitab fiqh yang dinyatakan di atas bukanlah bermaksud sampai ke tahap “mati”, tetapi adalah keperluan (*al-hajah*) seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Taymiyyah.

Walid Salah al-Din Al-Zir & Hamzah Hamzah (2010) dalam artikel yang bertajuk “*Dawabit al-Hajah Allati Tunazzal Manzilat al-Darurah Wa Tatbiqatuha Ala al-Ijtihadat al-Mu’asirah*”, menjelaskan bahawa syarat sesuatu keperluan (*al-hajah*) boleh diterima pakai adalah seperti berikut:

- i. Ia mempunyai sandaran dalil yang muktabar di sisi Syarak dan selari dengan kaedah, prinsip dan objektifnya.
- ii. Keperluan (*al-hajah*) itu pada tahap kesukaran luar biasa (*mashaqqah ghayr mu’tadah*).

- iii. Keperluan (*al-hajah*) itu pada tahap yakin atau zann sama ada zann biasa atau zann yang kuat (*ghalabat al-zann*).
- iv. Keperluan (*al-hajah*) itu hendaklah ditentukan (*muta'ayyinah*).

Keharusan memindahkan kubur adalah berdasarkan keperluan Syarie, sama ada ia berkaitan keperluan dan kemaslahatan mayat ataupun keperluan orang hidup yang berkaitan dengan mayat atau kubur tersebut. Ini dapat dilihat daripada hadis Jabir RA dan juga fatwa-fatwa institusi dan individu yang dibentangkan sebelum ini.

Istihsan *Bi al-Maslahah / al-Darurah / al-Hajah*

Hukum asal menggali kubur atau memindahkan mayat tanpa sebab atau keuzuran Syarie adalah haram. Ini dapat difahami daripada hadis, pandangan mazhab fiqh, fatwa institusi dan individu ulama seperti yang dinyatakan di atas.

Namun apa yang dapat disimpulkan daripada hadis, pandangan mazhab fiqh, fatwa institusi dan individu ulama di atas juga, adalah harus bahkan terkadang wajib menggali atau memindahkan mayat yang ditanam dalam kubur atas keperluan Syarie tertentu.

Meninggalkan dalil atau hukum asal kepada hukum lain (rukhsah) juga dinamakan istihsan. Istihsan yang sesuai dengan kes yang dibincangkan ialah atas dasar *istihsan bi al-maslahah / al-darurah / al-hajah* (Lihat Abd al-Karim Zaydan, 2001 & Faruq Abdullah Karim, t.th). Prof. Dr. Ajil Jasim Sa'ud al-Nashmiyy (mantan Dekan Fakulti Syariah wa al-Dirasat al-Islamiyyah, Kuwayt University) menggunakan istilah *istihsan bi al-darurah / al-hajah* (rujuk perincian: <https://www.dr-nashmi.com/%D8%A7%D8%B3%D8%AA%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D9%86/>).

Pertembungan Keperluan Orang Hidup Dan Orang Mati

Imam 'Izz al-Din Ibnu 'Abd al-Salam (t.th) dalam kitabnya "*Qawa'id al-Ahkam Fi Islah al-Anam*", menyatakan:

وإن دفنوا في أرض مغمصوبة جاز نقلهم، لأن حرمة مال الحي أكد من حرمة الميت، والأولى بمالك الأرض ألا ينقلهم، فإن أبي، فالأولى أن يتركهم إلى أن تتجرد عظامهم عن لحومهم، وتتفرق أوصالهم.

Maksudnya, "*Sekiranya mayat dikebumikan di tanah yang dirampas, maka harus memindahkannya. Ini kerana kehormatan harta orang hidup lebih kuat berbanding kehormatan mayat. Lebih baik pemilik tanah tidak memindahkan mayat itu. Sekiranya dia enggan, maka lebih baik dia membiarkan mayat itu sehingga daging terpisah daripada tulang dan terpisah tulang belulang*".

Begitu juga Jihad Mahmud 'Abd al-Mubdi dalam bukunya "*Amaliyyat Naql Wa Ta'jir al-A'da' al-Bashariyyah Dirasah Muqaranah Bayna al-Shari'ah Wa al-Qanun*", menyatakan:

أن دفع الضرر عن الحي أولى من دفع الضرر عن الميت عند التعارض.

Maksudnya, "*Menolak kemudaratan daripada orang hidup lebih baik daripada menolak kemudaratan orang hidup apabila berlaku pertembungan keduanya*".

Penulis buku ini ketika menyebut padangan ini membincangkan tentang isu membedah mayat untuk menyelamatkan manusia lain yang masih hidup. Terdapat dua kemudaratan iaitu penyakit/wabak yang merebak (umum kepada masyarakat) dan kemudaratan kedua (khusus kepada mayat) iaitu badannya dibedah. Maka ketika itu

didahulukan kepentingan orang ramai yang masih hidup ke atas kepentingan mayat. Tujuannya ialah untuk mengetahui punca kematian mayat itu demi ingin menyelamatkan ramai orang lain yang masih hidup.

Syeikh ‘Abdullah bin Bayyah, Dr. Ahmad bin ‘Abd al-Karim Najib dan Ben Baz sebagai ulama atau ilmuwan kontemporari memberikan pandangan bahawa diharuskan memindahkan kubur sekiranya terdapat masalah (kepentingan) sama ada masalah itu kepada mayat itu sendiri mahupun kepada orang awam. Masalah (kepentingan) perseorangan juga boleh diambil kira berdasarkan kaedah fiqhiyyah “*al-hajah tunazzal manzilat al-darurah ‘ammatan kanat aw khassah*” (keperluan boleh disamakan dengan keadaan darurat sama ada ia khusus atau umum).

Malah, sekiranya kubur-kubur adalah atas tanah wakaf sekalipun, ia boleh dipindahkan kerana terdapat keperluan (*al-hajah*). Ini berdasarkan penjelasan imam Al-Tabraniyy (1994) yang meriwayatkan kes yang berlaku pada zaman Saidina ‘Umar. Kes ini berlaku apabila Baitul Mal di Kufah telah diceroboh. ‘Abdullah bin Mas‘ud telah menulis surat kepada Saidina ‘Umar meminta pandangan bagaimana menangani kes kecurian ini. Lalu Saidina ‘Umar mengarahkan agar sebuah masjid diubah ke suatu tempat yang lebih strategik dan bangunan Baitul Mal diletakkan di hadapan masjid tersebut (berbetulan kiblat). Manakala tapak asal masjid telah dijadikan pasar untuk penduduk setempat. Kes ini lebih dikenali dengan “*suq al-Tammarin*”.

{ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ، ثنا أَبُو نُعَيْمٍ، ثنا الْمَسْعُودِيُّ، عَنِ الْقَاسِمِ قَالَ: قَدِمَ عَبْدُ اللَّهِ وَقَدَّ بَنَى سَعْدُ الْقَصْرَ، وَأَخَذَ مَسْجِدًا فِي أَصْحَابِ التَّمْرِ، فَكَانَ يَخْرُجُ إِلَيْهِ فِي الصَّلَوَاتِ، فَلَمَّا وَلى عَبْدُ اللَّهِ بَيْتَ الْمَالِ نَقَبَ بَيْتَ الْمَالِ، فَأَخَذَ الرَّجُلُ، فَكَتَبَ عَبْدُ اللَّهِ إِلَى عُمَرَ، فَكَتَبَ عُمَرُ: «أَنْ لَا تَقْطَعَهُ، وَأَنْتُقِلَ الْمَسْجِدَ، وَاجْعَلْ بَيْتَ الْمَالِ مِمَّا يَلِي الْقِبْلَةَ، فَإِنَّهُ لَا يَزَالُ فِي الْمَسْجِدِ مَنْ يُصَلِّي، فَتَقْلَهُ عَبْدُ اللَّهِ وَحَطَّ هَذِهِ الْحُطَّةَ، وَكَانَ الْقَصْرُ الَّذِي بَنَى سَعْدُ شَادَرَ وَإِنْ كَانَ الْإِمَامُ يُفُومُ عَلَيْهِ، فَأَمَرَ بِهِ عَبْدُ اللَّهِ فَتَقْضَى حَتَّى اسْتَوَى مَقَامَ الْإِمَامِ مَعَ النَّاسِ }.

Maksudnya, “Ali bin ‘Abd al-‘Aziz menceritakan kepada kami, Abu Nu‘aym menceritakan kepada kami, daripada al-Qasim berkata, ‘Abdullah telah datang dan Sa‘d telah membina istana dan dia juga telah membina masjid di pasar tamar. Beliau selalu pergi masjid untuk bersolat. Apabila ‘Abdullah menguruskan Baitulmal, telah berlaku kejadian pecah masuk dan ada seorang lelaki mengambil harta Baitulmal. ‘Abdullah mengutuskan surat kepada ‘Umar. ‘Umar menulis “jangan kamu memotong tangan lelaki itu. Pindahkan masjid dan jadikan Baitulmal berbetulan dengan kiblat. Ini kerana akan ada sentiasa orang yang bersolat di masjid. Lalu ‘Abdullah memindahkan masjid dan melaksanakan perancangan tersebut. Adapun istana yang dibina oleh Sa‘ad telah hancur sekalipun imam berdiri di atasnya. Lalu ‘Abdullah memerintahkan agar ia diruntuhkan sehingga tempat imam sama dengan orang ramai”.

Dalam isu istibdal wakaf, Syeikh Mustafa Ahmad al-Zarqa (1998) menyatakan bahawa pihak pemerintah (*al-Qadiyy*) memiliki hak untuk istibdal (menukarnya) dan mengizinkannya ketika darurat dan wujudnya elemen-elemen Syarie yang membenarkannya (*musawwihat shar‘iyyah*) untuk kebaikan umum, walaupun pewakaf melarang istibdal, kerana ini berlawanan dengan syaratnya pada perkara tersebut.

PENUTUP

Tanah perkuburan semestinya dihormati kerana di situlah tempat manusia dikebumikan sehingga tibanya hari kiamat. Hukum asal membongkar tanah perkuburan tanpa uzur atau keperluan Syarie adalah haram. Ini untuk menjaga kehormatan jenazah yang disemadikan didalamnya. Namun apabila ada keperluan yang mendesak, maka ia diharuskan. Dalam konteks zaman sekarang, sebarang pembongkaran semula kubur perlulah mendapat kebenaran pihak berkuasa yang berkaitan untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

RUJUKAN

- 'Abdullah bin 'Umar bin Muhammad al-Sahibaniyy. 2005. *Ahkam al-Maqabir Fi al-Shari'at al-Islamiyyah*. Al-Dammam: Dar Ibnu al-Jawziyy.
- 'Abd al-Karim Zaydan. 2001. *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- 'Abd al-Rahman al-Jaziriyy. T.th. *al-Fiqh Ala al-Madhahib al-Arba'ah*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Arqam.
- Al-Dardir, Abu al-Barakat Ahmad bin Muhammad bin Ahmad. T.th. *al-Sharh al-Saghir 'Ala Aqrab al-Masalik Ila Madhab al-Imam Malik*. T.tp: Dar al-Ma'arif.
- Faruq 'Abdullah Karim. T.th. *al-Istihsan Wa Namadhij Min Tatbiqatihi al-Mu'asirah Fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu 'Abidin. 2003. *Radd al-Muhtar 'Ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*. Jil. 3. al-Riyad: Dar Alam al-Kutub.
- Ibnu Hajar al-'Asqalaniyy, Ahmad bin 'Aliyy. 2001. *Fath al-Bari Bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhariyy*. Jil. 1 & 3. T.tp: Maktabat al-Malik Fahd.
- Ibnu al-Hattab, Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Rahman. T.th. *Mawahib al-Jalil Fi Sharh Mukhtasar al-Shaykh Khalil*. T.tp: Dar al-Ridwan.
- Ibnu Qudamah, Muwaffaq al-Din 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. T.th(b). *al-Mughniyy 'Ala Mukhtasar al-Khiraqiyy*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim. 2004. *Majmu' Fatawa Shaykh al-Islam Ahmad bin Taymiyyah (Majmu' al-Fatawa)*. Jil. 24. T.tp: Wizarat al-Shu'un al-Islamiyyah Wa al-Da'wah Wa al-Irshad al-Sa'udiyyah.
- 'Izz al-Din Ibnu 'Abd al-Salam. T.th. *Qawa'id al-Ahkam Fi Islah al-Anam*.
- Jihad Mahmud 'Abd al-Mubdi. 2014. *'Amaliyyat Naql Wa Ta'jir al-A'da' al-Bashariyyah Dirasah Muqaranah Bayna al-Shari'ah Wa al-Qanun*. al-Riyad: Maktabat al-Qanun Wa al-Iqtisad.
- Mustafa Ahmad al-Zarqa. 1998. *Ahkam al-Waqf*. Amman: Dar 'Ammar.
- al-Nawawiyy, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. T.th. *Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Jil. 5. Jeddah: Maktabat al-Irshad.
- al-Nawawiyy, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. 1997. *Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Tabraniyy, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayyub bin Matir al-Lakhmiyy al-Shamiyy. 1994. *al-Mu'jam al-Kabir*. Kaherah: Maktabah Ibnu Taymiyyah. (Maktabat al-Shamilah).
- Walid Salah al-Din Al-Zir & Hamzah Hamzah. 2010. *Dawabit al-Hajah Allati Tunazzal Manzilat al-Darurah Wa Tatbiqatuha 'Ala al-Ijtihadat al-Mu'asirah*. Majallah Jami'ah Dimashq Li al-'Ulum al-Iqtisadiyyah Wa al-Qanuniyyah. al-Mujallad 26. Al-'Adad al-Awwal. T.tp: T.pt.

Internet

- 'Abdullah bin Bayyah. *Naql al-Mayyit Min Qabrin Ila Qabrin*. <https://binbayyah.net/arabic/archives/207> (diakses pada 14 Ogos 2019).
- Ahmad bin 'Abd al-Karim Najib. *Hukm Nabsh al-Qubur*. <https://www.saaaid.net/Doat/Najeeb/f113.htm> (diakses pada 14 Ogos 2019).
- 'Ajil Jasim Sa'ud al-Nashmiyy. *Istihsan*. <https://www.dr-nashmi.com/%D8%A7%D8%B3%D8%AA%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D9%86/> (diakses pada 19 Ogos 2019).
- Ben Baz. *Hal Yajuz Nabsh al-Qubur Li Gharad Tawsi'at al-Shawari'*. <https://binbaz.org.sa/fatwas/1153/%D9%87%D9%84-%D9%8A%D8%AC%D9%88%D8%B2-%D9%86%D8%A8%D8%B4-%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%A8%D9%88%D8%B1-%D9%84%D8%BA%D8%B1%D8%B6-%D8%AA%D9%88%D8%B3%D8%B9%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%B4%D9%88%D8%A7%D8%B1%D8%B9> (diakses pada 15 Ogos 2019).
- Dar al-Ifta', Jordan. *Yahrumu Nabsh Qabr al-Mayyit Wa Naqluhu Min Ghayr 'Uzrin*. Raqm al-Fatwa 3272. <http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=3272#.XVUIX-gzY2w> (diakses pada 15 Ogos 2019).
- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil 3/2005. *Permohonan Menggali Dan Memindahkan Kubur Lama Di Atas Tanah Lot 1690, Mukim Taboh Naning, Alor Gajah, Melaka, Bagi Tujuan Pembinaan Bangunan Kekal*. <http://muftimelaka.gov.my/jmm/index.php/en/awam/fatwa/keputusan-jkfnm/tahun-2005/52-keputusan-mesyuarat-jawatankuasa-fatwa-negeri-melaka-bil-3-2005> (diakses pada 14 Ogos 2019).
- Mufti Kerajaan Brunei, Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail. https://pibdcms.gov.bn/front/index.php/home/flexpaper_view?doc_id=NjczOSszMTErZjE5NjltMTk2OSBzMm0zZiAtIFRhbmdFolGt1YnVvYElzbGFtIHRlcmxpmF0IGRhbGFtIHBlbWJpbmFhbiBsYXBhbmdhbiB0ZXJiYW5nLnBkZg== (diakses pada 14 Ogos 2019).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2018. *Al-Kafi #944: Tujuan Menanam Mayat*. <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2850-al-kafi-944-tujuan-menanam-mayat> (diakses pada 31 Mei 2022).
- Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah. *Pemindahan Kubur Kerana Membina Empangan*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10654> (diakses pada 14 Ogos 2019).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.